

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

KAJIAN SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR
 JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

MEI 1994

Adalah disyorkan bahawa tesis ini yang di sediakan oleh:

JAMIL BIN SAIMON

bertajuk:

**PERANCANGAN PERLAKSANAAN SISTEM
 PENGURUSAN MAKLUMAT BERSEPADU
 DI KERAJAAN TEMPATAN**

diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk
 Diploma Lanjutan Perancangan Bandar dan Wilayah

Diluluskan :

Panel Penilai:

(TN. HJ. AHMAD SUHAIMI BIN ISMAIL)

(TN. HJ. MAT ZAIN BIN MAT HASSAN)

Penyelia :

(EN. HANAFI BIN ISMAIL)

Bagian Rujukan & Perkhidmatan Pembaca
 Perpustakaan Tun Abdul Razak
 Institut Teknologi MARA
 40450 Shah Alam
 Selangor Darul Ehsan.

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

**PERANCANGAN PERLAKSANAAN
SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT BERSEPADU
DI KERAJAAN TEMPATAN**

Oleh

JAMIL BIN SAIMON

**Tesis ini disediakan untuk memenuhi keperluan Diploma Lanjutan Perancangan
Bandar dan Wilayah**

**Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Kajian Seni Bina, Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi MARA, Shah Alam**

**Bahagian Rujukan & Perkhidmatan Pembaca
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.**

1994

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya kehadiran Ilahi yang telah melimpahkan kurnianya dan memberikan keupayaan untuk saya melaksanakan kajian ini dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Encik Hanafi bin Ismail yang telah memberikan tunjuk ajar, khidmat nasihat, dorongan dan bimbingan sepanjang penyediaan kajian ini.

Terima kasih juga diberikan kepada para pegawai serta kakitangan Majlis Perbandaran Klang atas kerjasama yang diberikan. Tidak ketinggalan juga para pensyarah Institut Teknologi Mara dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan sokongan dalam penyediaan thesis ini.

Bahagian Rujutan & Perkhidmatan Pembaca
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

ABSTRAK

Organisasi Kerajaan Tempatan pula adalah merupakan badan yang memberikan kemudahan, perkhidmatan, perancangan yang meliputi aspek perbandaran yang menyeluruh. Aktivitinya adalah berbagai selaras dengan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan. Peranannya bertambah mencabar dari masa kesemasa dan berbagai usaha diperlukan untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan yang diberikan.

Keperluan untuk mempertingkatkan perkhidmatan sektor awam melalui teknologi maklumat disedari sejak kebelakangan ini dan pentadbiran awam kian mendesak untuk mematerialisasikan perubahan tersebut adalah melalui Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu dimana ianya merupakan satu sistem yang dirangka secara menyeluruh untuk membantu memudahkan lagi pentadbiran sesuatu organisasi. Sistem ini perlu direka dan rekaannya bergantung kepada berbagai bentuk penggunaan samada pihak swasta mahupun awam. Walaubagaimana pun, sistem maklumat bersepadu ini mempunyai beberapa keperluan penting di dalam perlaksanaannya selain daripada komponen komputer yang melibatkan perkakasan, kakitangan, tatacara, dan maklumat.

Perancangan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu memerlukan penekanan kepada perkara selain komponen komputer yang disebut di atas iaitu rangkaian, pangkalan data, sistem terbuka. Ini adalah berdasarkan kepada teknologi terkini yang ada di pasaran dan juga praktis yang dijalankan. Perancangan juga perlu melihat peranan, tugas, aktiviti organisasi yang di kaji dan disesuaikan dengan komponen dan lain-lain perkara yang berkaitan.

Untuk memudahkan Kerajaan Tempatan melaksanakan Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu, kajian ini akan membentuk satu garis panduan yang menerangkan perlaksanannya berpandukan organisasi kajian iaitu Majlis Perbandaran Klang.